

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA,
PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
(WANGSA MAJU)

TARIKH : 22 MAC 2016 (SELASA)

SOALAN :

DATO' DR. TAN KEE KWONG (WANGSA MAJU) minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan apakah bantuan yang diberi oleh Kementerian untuk
membantu masyarakat miskin yang semakin meningkat di negara ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) bertanggungjawab membantu masyarakat miskin atau keluarga yang berpendapatan rendah agar golongan tersebut mendapat pembelaan sewajarnya serta menikmati hasil kemakmuran negara.

Selain dari KPWK, Kerajaan melalui Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan lain juga mempunyai program bagi membantu golongan miskin dengan penyediaan peluang ekonomi yang boleh meningkatkan keupayaan produktiviti isi rumah yang berpendapatan rendah untuk membebaskan mereka daripada kategori kemiskinan.

Di bawah KPWK, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), ada disediakan bantuan kepada golongan miskin. Tujuan bantuan

diberikan adalah untuk menyara kehidupan mereka khususnya keperluan asas seperti makanan dan pakaian.

Bantuan kewangan bulanan yang disediakan oleh JKM untuk kumpulan ini adalah seperti berikut:

1. **Bantuan Kanak-kanak (BKK)**, dengan kadar RM100 hingga maksimum RM450 sebulan dipertimbangkan kepada keluarga miskin atau ibu / bapa tunggal yang menjaga anak-anak mereka.
2. **Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Berupaya Bekerja (BTB)**, dengan kadar RM200 sebulan dipertimbangkan kepada OKU yang tidak berupaya bekerja kerana keadaan ketidakupayaan mereka yang teruk dan tidak mampu bekerja.
3. **Elaun Pekerja Cacat (EPC)**, dengan kadar RM350 sebulan dipertimbangkan kepada OKU yang sedang bekerja dan pendapatannya kurang daripada RM1,200 sebulan, sebagai elaun insentif supaya mereka terus bekerja.

4. **Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT)**, dengan kadar RM300 seorang sebulan dipertimbangkan kepada penjaga Orang Kurang Upaya Terlantar atau Pesakit Kronik Terlantar bagi mengurangkan bebanan perbelanjaan keluarga penjaga serta memastikan penjagaan yang berkualiti.
5. **Bantuan Orang Tua (BOT)**, dengan kadar RM300 sebulan dipertimbangkan kepada warga emas yang tidak mempunyai pendapatan untuk meneruskan kehidupan harian
6. **Bantuan Am Persekutuan (WP Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya)**, dengan kadar RM80 hingga RM350 sebulan dipertimbangkan kepada keluarga miskin dan kumpulan sasar lain yang memerlukan.
7. **Bantuan Latihan Perantis**, dengan kadar RM200 sebulan dipertimbangkan kepada semua kumpulan sasar JKM yang bersedia untuk mengikuti latihan kemahiran atau penempatan kerja bagi menambahkan kemahiran dalam sesuatu bidang.

8. **Bantuan Anak Pelihara (BAP)**, dengan kadar RM250 sebulan hingga maksimum RM500 sebulan sekeluarga bagi meringankan tanggungan keluarga pelihara yang sanggup menjaga anak-anak pelihara seperti anak sendiri.

Selain itu, bantuan kewangan sekaligus turut disediakan oleh JKM untuk kumpulan sasar ini adalah seperti berikut:

1. **Bantuan Geran Pelancaran (GP)**, dengan kadar RM2,700 sekaligus dipertimbangkan kumpulan sasar JKM bagi memulakan projek atau pekerjaan yang boleh mendatangkan pendapatan ke arah berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan bulanan selama-lamanya.
2. **Bantuan Alat Tiruan / Sokongan**, dengan kadar sebenar alat tiruan/ sokongan tersebut bagi membantu kumpulan sasar JKM yang tidak berkemampuan untuk membeli alat tiruan atau alat sokongan seperti kaki palsu, kerusi roda, alat pendengaran dan lain-lain peralatan yang bersesuaian dan diperlukan seperti yang disyorkan oleh Pegawai Perubatan.

KPWKM melalui JKM telah mewujudkan satu inovasi sosial iaitu *Productive Welfare* bagi menggalakkan penerima bantuan Jabatan yang produktif agar berdikari melalui program menjana pendapatan dan meningkatkan taraf hidup. Antara projek yang dilaksanakan adalah pembuatan produk kraf, aksesori wanita, makanan siap proses dan lain-lain.

KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) masing-masing mengadakan Program MamaCare (Program Penjagaan Selepas Bersalin) dan Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) bagi membantu golongan wanita dan ibu tunggal menambah pendapatan.

Selain itu, di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah, KPWKM selaku peneraju telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu golongan miskin. Antara pencapaian di bawah NKRA LIH ini adalah pelaksanaan Program 1AZAM yang telah mendapat sambutan sangat menggalakkan daripada golongan berpendapatan rendah iaitu terdiri

daripada masyarakat miskin dengan penyertaan seramai 190,799 orang daripada tahun 2010 sehingga 31 Disember 2015.

Di samping itu, pada tahun 2013, satu sasaran baru diwujudkan di bawah NKRA LIH iaitu melaksanakan Program 1AZAM secara berkelompok dan bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) serta sektor korporat. Inisiatif ini diwujudkan bagi meningkatkan keterlibatan komuniti setempat dalam perjuangan membantu golongan berpendapatan rendah dalam kalangan masyarakat miskin. Sehingga 31 Disember 2015, **sebanyak 139** Program 1AZAM secara berkelompok telah dijalankan seluruh negara. Inisiatif ini melibatkan pelaksana seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Sumber Manusia, Kerajaan Negeri Sabah, Kerajaan Negeri Sarawak dan Amanah Ikhtiar Malaysia. Bagi pelaksanaan Program 1AZAM secara kerjasama dengan NGO dan sektor korporat pula, **sebanyak 86** NGO dan sektor korporat yang telah bekerjasama dengan pelaksana bagi melaksanakan Program 1AZAM dengan lebih berkesan.